

**LAPORAN PRESTASI DASAR LUAR MALAYSIA
2004 – 2007**

DASAR	1. Mengekalkan hubungan damai dengan semua negara tanpa mengira taraf ekonomi, ideologi dan sistem politik
<p>PELAKSANAAN / PENCAPAIAN</p> <p>Malaysia terus mengekalkan dan mempertingkatkan hubungan dua hala dengan semua negara kecuali Israel. Dalam usaha memelihara kepentingan negara di arena antarabangsa, Malaysia telah mengamalkan dasar luar yang berprinsip, bebas dan pragmatik. Malaysia juga telah mengamalkan dasar luar yang berkecuali dan tidak bersekutu supaya perhubungan baik dapat dijalinan dengan semua negara, walaupun berbeza pendapat dan ideologi. Dengan itu, Malaysia terus dihormati dan mendapat kepercayaan di peringkat antarabangsa.</p> <p>Di bawah kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri yang diterajui oleh Y.B. Menteri Luar Negeri telah berjaya melaksanakan banyak aktiviti pada 2004-2007 yang telah membawa hasil dan kejayaan kepada Malaysia. Dengan terjalannya hubungan diplomatik yang baik dengan semua negara, kerjasama Malaysia dengan semua negara di bidang lain termasuk ekonomi, sosial dan budaya juga terus dipertingkatkan.</p> <p>Kementerian Luar Negeri telah bersama-sama menyumbang kepada kejayaan Malaysia selepas 50 tahun merdeka. Sebagai menyambut kemerdekaan Malaysia ke-50, Wisma Putra telah menganjurkan pelbagai aktiviti di peringkat kebangsaan dan di Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara. Di antara lain, Y.B. Menteri Luar Negeri telah melancarkan "Time Capsule" pada 4 Disember 2007 di Wisma Putra dan buku "Number One, Wisma Putra" mengenai cerita dan pengalaman diplomat-diplomat Malaysia sempena sambutan 50 tahun penubuhan Wisma Putra. Beliau juga telah memberi ucap tama semasa colloquium di IDFR pada 11 Disember 2007 yang bertajuk "Malaysia's Foreign Policy – 2020 and beyond".</p> <p>2007 juga merupakan tahun bersejarah di mana Malaysia menyambut ulang tahun ke-50 hubungan dua hala dengan 16 buah negara iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Indonesia, Thailand, Australia, Belgium, Kanada, Jerman, India, Jepun, Myanmar, Perancis, Netherlands, New Zealand, Pakistan dan Sri Lanka. Seramai 10 orang Ketua Negara/Kerajaan asing telah menghadiri Sambutan Ulangtahun ke-50 hubungan diplomasi dengan Malaysia dan Sambutan Hari Kemerdekaan ke-50 pada 31 Ogos 2007 di Kuala Lumpur.</p> <p>Di antara pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dengan jayanya pada 2004-2007 ialah pertukaran lawatan, mesyuarat dua hala, persidangan, pemeteraian perjanjian, penubuhan perwakilan Malaysia yang baru dan projek pembangunan di luar negara.</p> <p>Melalui pertukaran lawatan dan mesyuarat dua hala yang kerap diadakan, hubungan Malaysia dan negara-negara berkenaan telah dapat dipertingkatkan lagi. Pada 2004-2007, banyak lawatan yang telah dilakukan oleh pemimpin Malaysia. Y.A.B. Perdana Menteri telah melawat 66 negara dalam tempoh tersebut. Y.B. Menteri Luar Negeri telah mengiringi Y.A.B. Perdana Menteri di kebanyakan lawatan-lawatan tersebut. Di samping itu, Malaysia telah menerima sebanyak 36 lawatan peringkat tertinggi dalam tempoh yang sama.</p>	

Pada 2004-2007 Malaysia telah terlibat dengan banyak Mesyuarat Dua Hala / Mesyuarat Suruhanjaya Bersama. Y.B. Menteri Luar Negeri telah mempengerusikan sebanyak 18 Mesyuarat Suruhanjaya Bersama pada 2004-2007.

Dasar luar Malaysia juga berjaya dilaksanakan oleh Perwakilan Malaysia di luar negara. Pada tahun 2004-2007, 9 Perwakilan Malaysia yang baru telah dibuka dan ini menjadikan jumlah keseluruhan Perwakilan Malaysia di luar negara bertambah dari 97 (2004) kepada 106 pada 2007. Dengan bertambahnya Perwakilan Malaysia di luar negara, Malaysia dapat melaksanakan dasar luar dengan lebih berkesan lagi.

Selaras dengan dasar Kerajaan yang prihatin terhadap masalah warganegaranya di luar negara, Wisma Putra dan pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa memberi bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang di dalam kesusahan, ditimpa kemalangan atau ditahan oleh pihak berkuasa negara asing. Bantuan konsular yang diberikan adalah bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia yang terbabit mendapat bantuan yang secukupnya dan menerima layanan yang baik dan adil daripada pihak berkuasa tempatan. Pada tahun 2004-2007 sejumlah 738 lawatan konsular telah dilakukan oleh pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

Bagi menjaga kepentingan negara dan rakyat Malaysia yang berada di luar negara, Konsul Kehormat Malaysia dilantik di lokasi-lokasi penting di luar negeri di mana tiada terdapat Perwakilan Malaysia di lokasi tersebut. Pada tahun 2004-2007, Malaysia telah melantik 19 Konsul Kehormat dan menjadikan jumlah Konsul Kehormat Malaysia kepada 51 orang pada 2007.

Pertama sekali dalam sejarah, Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi kepada tiga badan antarabangsa iaitu OIC, NAM dan ASEAN. Dalam hal ini, Wisma Putra telah berjaya menganjurkan beberapa persidangan pada 2004-2007 yang melibatkan ASEAN, OIC dan NAM. Disamping itu, dua Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia telah diadakan iaitu pada 2004 dan 2007. Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan pada 2004 merupakan mesyuarat pertama Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara. Kedua-dua pemimpin telah menyampaikan amanat kepada semua Ketua Perwakilan mengenai dasar-dasar negara dan arah tuju dasar luar negara terutama dalam menghadapi era globalisasi. Program Persidangan itu juga melibatkan pertemuan dengan Y.B. Menteri Luar Negeri dan beberapa Menteri Kabinet yang lain.

Wisma Putra juga terlibat dengan pelaksanaan projek pembangunan di luar negara. Projek-projek pembangunan Kementerian Luar Negeri bagi tempoh tahun 2004 hingga 2007 merangkumi Rancangan Malaysia ke-8 (2001 - 2005) dan ke-9 (2006 - 2010). Pada 2004 - 2007, sebanyak 5 projek telah berjaya dilaksanakan.

Salah satu bukti bahawa Malaysia telah diiktiraf sebagai negara yang penting bagi negara-negara asing ialah terdapatnya banyak Perwakilan Asing di Kuala Lumpur. Terdapat 90 Perwakilan Asing di Malaysia pada tahun 2004 dan angka ini telah meningkat kepada 94 pada 2007.

Imbasan kejayaan hubungan Malaysia dengan negara-negara utama

Pada keseluruhannya pada 2004 hingga 2007, hubungan Malaysia dengan negara-negara lain telah dipereratkan lagi berdasarkan peningkatan kerjasama dua hala di semua bidang termasuk politik, perdagangan, pelaburan, pelancongan, sains dan teknologi, sosial dan budaya. Di antara imbasan kejayaan hubungan Malaysia dengan beberapa negara utama adalah seperti berikut:

Singapura

- Malaysia dan Singapura berjaya menamatkan pertikaian mengenai isu penambakan laut oleh Singapura dengan menandatangani Perjanjian Penyelesaian (*Settlement Agreement*) pada 26 April 2005.
- Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura mengenai Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) telah ditubuhkan berikutan keputusan Rundingan Tahunan di Langkawi pada 14-15 Mei 2007. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah diadakan pada 23 Julai 2007 di Johor.
- Perbicaraan kes Pulau Batu Puteh, Middle Rocks dan South Ledge berlangsung di The Hague pada 6-23 November 2007. Y.B. Menteri Luar Negeri telah mengetuai delegasi Malaysia untuk perbicaraan tersebut.

Indonesia

- MoU berkenaan pengambilan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia telah dimeterai pada 10 Mei 2004 di Jakarta. Terdapat seramai 1,024,363 orang pekerja warga Indonesia yang bekerja di Malaysia pada 2004 dan TKI ialah pekerja asing yang terbesar di Malaysia.
- Pada 2007, Malaysia merupakan pelabur asing terbesar di Indonesia dengan jumlah pelaburan yang diluluskan dianggarkan sebanyak RM7.7 bilion (USD2.2 bilion). Ia merupakan kenaikan sebanyak 300% berbanding RM1.9 bilion bagi tahun 2005.

China dan Taiwan

Tahun 2004 merupakan ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Satu "Joint Communiqué" telah diterbitkan yang di antaranya menyatakan beberapa pencapaian hubungan dua hala sejak 30 tahun yang lepas. Kedua-dua negara berazam untuk mencapai sasaran USD50 bilion dalam perdagangan dua hala pada 2010. Walaupun Malaysia mengamalkan "One China Policy", hubungan ekonomi dengan Taiwan telah dipertingkatkan.

India

- Lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke India pada 19-23 Disember 2004 telah menyaksikan pertambahan pelaburan Malaysia di India. Pelaburan Malaysia di India dalam projek-projek infrastruktur adalah yang terbesar di luar negara.
- Y.B. Menteri Luar Negeri telah memberi ucapan semasa colloquium Malaysia-India di New Delhi pada 9-10 April 2007 di mana beliau telah menyentuh hubungan dua hala Malaysia-India bagi 50 tahun yang lepas dan akan datang.

Jepun

- Malaysia menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi yang pertama dengan Jepun pada 13 Disember 2005 di Kuala Lumpur. Jepun adalah pelabur terbesar di Malaysia pada tahun 2006. Sejumlah 81 projek pelaburan telah diluluskan dengan jumlah pelaburan RM4.2 bilion pada tahun 2006.

Rusia

- Pada 10 Oktober 2007, Malaysia telah mencatatkan sejarah apabila telah berjaya melancarkan angkasawannya yang pertama ke angkasa lepas, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor. Kejayaan yang telah dikecapi ini adalah hasil kerjasama erat antara Malaysia dan Rusia dalam bidang sains dan teknologi. Program angkasawan ini merupakan hasil perundingan perjanjian timbal balas (offset) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Rusia menerusi persetujuan pembelian 18 buah jet pejuang Sukhoi SU-30MKM untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).
- Presiden Vladimir Putin telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia pada 12-13 Disember 2005 bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN – Rusia yang pertama. Kehadiran Rusia ke sidang kemuncak ini adalah hasil daripada inisiatif Malaysia bagi menjadikan Rusia sebagai salah sebuah negara rakan dialog ASEAN.

Arab Saudi

- Lawatan Negara oleh Raja Abdullah pada 30 Januari-1 Februari 2006 merupakan lawatan Raja Arab Saudi yang pertama sejak lawatan Raja Faisal pada tahun 1970.
- Pada 14 Oktober 2004, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan kelulusan ke atas permohonan Al-Rajhi Banking and Investment Corporation untuk menjalankan operasi perbankan Islam di Malaysia. Al-Rajhi merupakan bank Islam yang terbesar di dunia dan Malaysia merupakan negara asing pertama operasi bank tersebut di luar Arab Saudi.

Amerika Syarikat

Amerika Syarikat merupakan rakan dagang terbesar Malaysia. Jumlah dagangan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada tahun 2006 adalah sebanyak RM170.8 bilion (USD46.54 bilion) yang mana imbalan dagangan adalah berpihak kepada Malaysia sebanyak RM50.38 bilion (USD13.73 bilion). Pelaburan terus Amerika Syarikat (FDI) dianggarkan melebihi RM110 bilion.

Kuwait

Kuwait Finance House Malaysia Bhd, bank Islam asing yang pertama di Malaysia dilancarkan secara rasmi pada 17 Februari 2006 dengan modal permulaan berbayar sebanyak RM380 juta.

Qatar

Rangkaian Al-Jazeera telah melancarkan pangkalan penyiaran Bahasa Inggerisnya di Kuala Lumpur pada 15 November 2006.

Sri Lanka

Malaysia merupakan pelabur terbesar dalam Bursa Saham Colombo (Colombo Stock Exchange). Dialog Telekom (anak syarikat Telekom Malaysia) merupakan pelabur asing terbesar di Sri Lanka.

Palestin

Presiden Palestin, TYT Mahmoud Abbas telah melakukan lawatan kerja ke Malaysia pada 20-21 Oktober 2007. Ini merupakan lawatan pertama beliau sejak menjadi Presiden Palestin pada Januari 2005.

Sudan

- Lawatan rasmi Y.A.B. Perdana Menteri ke Darfur, Sudan pada 15-17 April 2007 telah membuktikan bahawa Malaysia adalah komited untuk membantu menyelesaikan krisis di Darfur.
- Malaysia merupakan pelabur utama di Sudan melalui penglibatan PETRONAS semenjak tahun 1995. Setakat tahun 2007, jumlah pelaburan PETRONAS di Sudan adalah dianggarkan sebanyak USD5.2 bilion.

DASAR

2. Mengambil pendekatan yang bebas, berkecuali dan berprinsip di dalam hal ehwal diplomatik serantau dan antarabangsa

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN

Semenjak mencapai kemerdekaan, Malaysia sentiasa mengambil pendekatan yang bebas, berkecuali dan berprinsip dalam hal ehwal diplomatik serantau dan antarabangsa. Di bawah kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri, Malaysia sebagai Pengerusi OIC sejak 2003 dan NAM pada 2003-2006 telah menambahbaikkan dasar luar negara dengan lebih pragmatik dalam menghadapi cabaran-cabaran seperti globalisasi dan keganasan.

Malaysia juga sering menyuarakan pendirian tegas dalam isu-isu dan masalah yang melanda dunia masa kini termasuk di Thailand, Filipina, Myanmar, Korea Utara, Palestin, Iraq, Iran dan Sudan.

Sebagai contoh, Malaysia sentiasa mengutuk keganasan dan pencorobohan Israel di Tebing Barat dan Gaza. Malaysia terus memainkan peranan yang aktif dalam membawa pendemokrasian di Myanmar dan berpendapat tindakan mengenakan sekatan ke atas negara tersebut akan membebaskan rakyat Myanmar.

Di antara pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Kementerian Luar Negeri pada 2004-2007 adalah seperti berikut :

- Wisma Putra telah menganjurkan Mesyuarat Peringkat Menteri Jawatankuasa NAM Mengenai Palestin di Putrajaya pada 13 Mei 2004.

- Malaysia telah menghoskan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 29-31 Julai 2004, di bawah rangka kerja Komanwel. 'Smart Partnership' ditekankan untuk membantu negara-negara Afrika yang masih ketinggalan di dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Wisma Putra juga telah berjaya menganjurkan LID pada 6-8 Ogos 2007 dan berjaya menghasilkan *The LID 2007 Plan of Action on The Way Forward*, yang merumuskan bahawa pembangunan modal insan dan bina upaya adalah asas penting untuk membasmi kemiskinan, dan dapat dicapai melalui pendidikan dan latihan yang teratur dan terancang.
- Y.A.B. Perdana Menteri telah melakukan lawatan kerja ke Arab Saudi pada 6-8 Disember 2005 bagi menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa Ketiga Persidangan Islam di Mekah bagi mencari jalan penyelesaian masalah konflik Timur Tengah dan masalah-masalah yang menimpa umat Islam.
- Kementerian Luar Negeri telah menganjurkan *Ministerial Meeting of the Coordinating Bureau of the Non-Aligned Movement (NAM-CoB)* pada 27-30 Mei 2006 dan *Asia - Middle East Dialogue (AMED)* pada 28 Februari -1 Mac 2006.
- Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif OIC Yang Diperlebarkan di Kuala Lumpur yang bertujuan menangani konflik Timur Tengah yang pada masa itu melibatkan tindakan ketenteraan Israel terhadap Lubnan dan Palestin diadakan pada 3 Ogos 2006.
- Sebagai tuan rumah kepada Mesyuarat Meja Bulat Mengenai Urus Tadbir Global (*Effective Global Governance*) di bawah Proses Helsinki Mengenai Globalisasi Dan Demokrasi (*Helsinki Process on Globalisation and Democracy*) pada 21-22 Mei 2007, Kementerian Luar Negeri telah berjaya merangka *roadmap* bagi urus tadbir global yang dapat melonjakkan lagi agenda Malaysia sekali gus memastikan kepentingan negara terpelihara di persada antarabangsa.
- Persidangan Annapolis yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat pada 26-27 November 2007 telah dihadiri oleh Y.B. Menteri Luar Negeri bertujuan mendapatkan sokongan masyarakat antarabangsa ke atas 'Persefahaman Bersama' Israel dan Palestin yang menggariskan kesepakatan yang dicapai oleh kedua-dua pihak bagi meneruskan perundingan sehingga dapat menandatangani satu perjanjian sebelum akhir 2008, sebagai pembuka langkah ke arah penyelesaian akhir konflik Palestin – Israel.
- Semasa Persidangan Negara-Negara Penyumbang bagi Palestin di Paris, 17 Disember 2007, Malaysia telah memberi jaminan untuk menyumbangkan USD1 juta untuk membiayai pembangunan ekonomi Palestin.

DASAR

3. Membentuk hubungan dan kerjasama ekonomi yang erat dengan semua negara, terutamanya rakan-rakan ASEAN dan serantau

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN

Malaysia terus melaksanakan dasar menjalin hubungan kerjasama ekonomi yang erat dengan semua negara, terutamanya rakan-rakan ASEAN dan serantau, untuk memastikan kesinambungan pembangunan ekonomi, kestabilan dan kemakmuran negara dapat dikekalkan. Ianya dilaksanakan melalui kerjasama dua hala, serantau (ASEAN) dan pelbagai hala.

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh dengan peningkatan kerjasama dua hala, serantau dan pelbagai hala. Dari segi hubungan dua hala, pencapaian ini diperolehi hasil dari permintaan yang tinggi dari pasaran utama Malaysia di ASEAN, Amerika Syarikat dan China.

Di peringkat serantau, Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam mempromosikan ASEAN terutama semasa Malaysia menjadi Pengerusi Tetap ASEAN ke-39 pada 2005-2006.

Di antara pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dengan jayanya oleh Kementerian Luar Negeri ialah:

- Y.B. Menteri Luar Negeri mengemukakan kertas kerja yang bertajuk "*Review of ASEAN Institutional Framework: Proposal for Change*" di Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN di Ha Long Bay, Vietnam pada 4 Mac 2004 untuk mengkaji semula kerangka institusi dan perundangan ASEAN.
- Wisma Putra telah berjaya menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 di Kuala Lumpur pada 12-14 Disember 2005 dan ini merupakan kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak ASEAN semenjak penubuhan ASEAN pada 1967.
- Pertama sekali dalam sejarah, empat Sidang Kemuncak dianjurkan oleh Malaysia semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 iaitu Sidang Kemuncak ASEAN-Rusia Pertama (13 Disember 2005), Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama (14 Disember 2005), Sidang Kemuncak Pertama Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) pada 11 Disember 2005 dan Sidang Kemuncak Pertama Kawasan Pertumbuhan Asia Timur-Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) pada 11 Disember 2005 di Kuala Lumpur.
- Sidang Kemuncak Asia Timur pada 14 Disember 2005 di Kuala Lumpur pula telah membuka lembaran baru terutamanya dalam konteks perkembangan hubungan politik dan strategik ASEAN.
- Sidang Kemuncak ASEAN-Rusia yang pertama kali diadakan pada 13 Disember 2005 telah berjaya mengalih hubungan yang hanya berteraskan kepada politik dan keselamatan kepada hubungan yang lebih seimbang meliputi pembangunan, ekonomi dan sosio-budaya.
- Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Penubuhan Piagam ASEAN (*Kuala Lumpur Declaration on Establishment of the ASEAN Charter*) dibuat pada 12 Disember 2005 di Kuala Lumpur.
- Y.B. Menteri Luar Negeri mempengerusikan Mesyuarat Tahunan Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-39 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan pada 22-28 Julai 2006 bagi membincangkan isu-isu berkepentingan kepada Malaysia dan negara-negara anggota, termasuklah isu-isu Timur Tengah, Semenanjung Korea, senjata nuklear Iran dan keselamatan tenaga di Kuala Lumpur
- Y.A.B. Perdana Menteri telah menandatangani Piagam ASEAN bagi pihak Kerajaan Malaysia semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 pada 20 November 2007 di

Singapura. Piagam ASEAN akan memberi “*legal personality*” dan menjadikan ASEAN satu organisasi yang berteraskan undang-undang dan peraturan-peraturan (*rules-based*) yang lebih jelas dalam membuat keputusan dan penyelesaian pertikaian ke arah pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2020.

- Pada 12 Oktober 2004, Malaysia telah mengetuai Pasukan Pemantau Antarabangsa - I (*International Monitoring Team - IMT-I*) di Selatan Filipina dengan mandat untuk memantau pelaksanaan gencatan senjata dan pelaksanaan perjanjian damai *Moro Islamic Liberation Front – MILF* dan Kerajaan Filipina yang ditandatangani pada 2001.

Sebagai negara Islam yang progresif, Malaysia telah memberi penekanan kepada isu ekonomi kepada OIC. Di antara pencapaian Malaysia ialah:

- Malaysia menandatangani “*Framework Agreement on Preferential System – Among the Member States of OIC*” (TPS-OIC) pada 30 Jun 2004 yang turut ditandatangani oleh 20 negara OIC.
- Malaysia menyertai Kerjasama Ekonomi di bawah Pertubuhan D-8 bagi lapan (8) buah negara anggotanya iaitu Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki untuk memperbaiki kedudukan negara-negara membangun Islam di dalam ekonomi dunia. Malaysia menandatangani “*Developing-8 Preferential Trade Agreement*” (D8-PTA) dengan negara-negara D8 pada 13 Mei 2006 di Bali, Indonesia.
- Penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Pertama pada 1-3 Oktober 2005 di Kuala Lumpur yang mengumpulkan tokoh-tokoh intelektual dan para pemimpin ternama dari dunia Islam dan Barat, bertujuan mewujudkan platform bagi membincang dan menerapkan idea-idea yang terkini ke arah merencanakan pembangunan ekonomi Ummah.
- Malaysia menganjurkan “*World Halal Forum*” pada 7-8 Mei 2007 di Kuala Lumpur yang membincangkan isu-isu berkaitan dengan perniagaan dan perdagangan serta industri produk barangan halal sedunia. Forum ini telah menyumbang kepada persepsi positif serta pengiktirafan negara-negara membangun terhadap peranan yang dimainkan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa serta dapat membuka peluang-peluang ekonomi dan perdagangan baru kepada negara kita terutamanya di negara-negara Asia, Afrika dan Timur Tengah.

DASAR

4. Memajukan keamanan dan kestabilan serantau menerusi program pembangunan kapasiti dan langkah-langkah penyelesaian konflik

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN

Untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau terus terpelihara, Malaysia telah terlibat secara aktif dalam program-program pembangunan kapasiti dan langkah-langkah penyelesaian konflik di negara-negara serantau.

Antara usaha-usaha proaktif Malaysia adalah pelaksanaan program pembangunan kapasiti di Selatan Thailand, Selatan Filipina, penganjuran mesyuarat yang diterajui oleh masyarakat awam bagi keamanan di Palestin dan latihan menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Dari 2004 hingga 2007, seramai 7,063 peserta dilatih di bawah MTCP yang merupakan 41% dari jumlah keseluruhan 17,234 peserta dari 107 buah negara sejak program tersebut dimulakan pada tahun 1981.

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), satu institusi latihan di bawah Wisma Putra telah menjalankan 95 kursus bagi 4,573 peserta bagi tempoh 2004-2007.

Satu lagi institusi di bawah Wisma Putra, Pusat Serantau Asia Tenggara Mencegah Keganasan (SEARCCT) juga telah mengadakan kursus dan seminar untuk meningkatkan keupayaan dan pencegahan keganasan. Sejak ditubuhkan pada 1 Julai 2003, SEARCCT telah menganjurkan 46 program bagi 1,596 peserta dari seluruh dunia.

Antara pencapaian dan aktiviti-aktiviti lain pada 2004-2007 termasuk:

- Malaysia telah berjaya melaksanakan usaha-usaha memupuk keamanan dan kestabilan serantau terutamanya negara-negara jiran dengan memantapkan lagi program Strategi Pembangunan Bersama bagi Kawasan Persempadanan – *Joint Development Strategy – JDS* yang diperkenalkan pada Ogos 2004 bagi memajukan wilayah-wilayah di persempadanan Malaysia-Thailand.
- Pada 12 Oktober 2004, Malaysia telah mengetuai Pasukan Pemantau Antarabangsa - I (*International Monitoring Team - IMT-I*) di Selatan Filipina dengan mandat untuk memantau pelaksanaan gencatan senjata dan pelaksanaan perjanjian damai *Moro Islamic Liberation Front – MILF* dan Kerajaan Filipina yang ditandatangani pada 2001. Pada 2007 Malaysia telah diberi kepercayaan dan mandat untuk terus mengetuai Pasukan Pemantau Antarabangsa *IMT-4* dengan memberi fokus kepada aspek-aspek kemanusiaan, rehabilitasi, pembangunan dan bantuan sosio-ekonomi.
- Mesyuarat Khas mengenai Timur Tengah, 22 April 2004, di Kuala Lumpur bagi mewujudkan satu jaringan antarabangsa di kalangan masyarakat awam, serta bagi merangka Pelan Tindakan ke arah mewujudkan negara Palestin yang berdaulat menurut resolusi-resolusi PBB.
- Y.B. Menteri Luar Negeri dilantik sebagai anggota baru *Commonwealth Ministerial Action Group on the Harare Declaration (CMAG)* bagi tempoh 2006-2007 pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (*CHOGM*) Malta 2005. Beliau dilantik semula sebagai anggota CMAG bagi tempoh 2008-2009.
- Malaysia menyertai 2 misi pengaman PBB yang baru iaitu di Timor Leste (*UNMIT*) dan Lubnan (*UNIFIL*).
- Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja Isu Politik dan Keselamatan di bawah Dialog Asia-Timur Tengah (*Asia-Middle East Dialogue – AMED*) pada 28 Februari-1 Mac 2006 di Kuala Lumpur dan berjaya mendapatkan persetujuan

negara-negara AMED supaya membentuk satu Deklarasi Persahabatan dan Kerjasama yang boleh dipersetujui oleh AMED berasaskan kepada *Treaty of Amity and Cooperation* ASEAN.

DASAR

5. Memainkan peranan yang berpengaruh selaku Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN

Sebagai sebuah negara Islam contoh dalam konteks pencapaian ekonomi dan kestabilan politik di kalangan negara-negara membangun, Malaysia telah diberi kepercayaan serta pengiktirafan sebagai Pengerusi kepada NAM pada 2003-2006 dan OIC sejak 2003. Ini menunjukkan keyakinan dunia antarabangsa di atas keupayaan Kerajaan Malaysia. Sebagai Pengerusi OIC dan NAM, Malaysia terus berusaha untuk membawa kemajuan serta dimensi baru kepada OIC dan NAM.

Malaysia adalah komited untuk memupuk perpaduan di kalangan negara-negara anggota OIC. Dalam hubungan ini, Malaysia berazam meningkatkan hubungan kerjasama OIC, terutama dalam bidang-bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan dan kebudayaan.

Malaysia telah berjaya melaksanakan tugas sebagai Pengerusi OIC, yang mengutamakan perpaduan di kalangan dunia Islam dan membina keyakinan di kalangan negara-negara anggota. Sebagai Pengerusi OIC, Malaysia serta negara-negara anggota yang lain telah berjaya mengenakan tekanan terhadap negara-negara barat untuk menghentikan pengeboman di Lubnan semasa konflik di antara pejuang-pejuang Hezbollah dan rejim Israel. Malaysia juga telah meneruskan usaha-usaha untuk mengutarakan masalah Palestin. Penindasan dan kezaliman yang dilakukan di bumi Palestin merupakan punca kemarahan umat Islam.

Sebagai Pengerusi NAM, Malaysia telah menubuhkan Sekretariat Nasionalnya di Kementerian Luar Negeri untuk melaksanakan segala tugas penyelarasan di dalam NAM, bagi memastikan NAM lebih dinamik dan memainkan peranan yang penting terhadap isu-isu global semasa yang berkepentingan kepada NAM. Peranan Malaysia terserlah melalui aktiviti-aktiviti, program-program serta inisiatifnya terhadap usaha penyuburan semula NAM, sebagaimana yang telah digariskan di dalam "Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Penerusan Penyuburan Semula NAM".

Malaysia juga telah berjaya menerajui NAM ke arah penyuburan semula pergerakan berkenaan berdasarkan mandat dan keputusan yang terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Penerusan Penyuburan NAM serta berasaskan prinsip dan tujuan asas penubuhannya. Semasa menjadi Pengerusi NAM, Malaysia telah berjaya melaksanakan dua inisiatif utama iaitu menubuhkan Institut NAM bagi Memperkasakan Wanita atau NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) dan menubuhkan Rangkaian Berita NAM atau NAM News Network (NNN). Kedua-dua inisiatif ini merupakan sumbangan yang konkrit daripada Malaysia kepada negara-negara anggota Pergerakan.

OIC

Di antara pencapaian oleh Malaysia pada 2004-2007:

- Memperkukuhkan peranan Sekretariat Agung dan sistem OIC agar ia mampu menyumbang kepada kebajikan umat Islam di seluruh dunia selain keamanan kepada masyarakat sejagat.
- Mengarah fokus OIC agar tidak terlalu tertumpu kepada isu politik semata-mata malah turut menjana pembangunan ekonomi umat Islam.
- Memperkukuhkan jaringan ekonomi dan kerjasama antara negara-negara anggota OIC dan memantau situasi umat Islam di seluruh dunia dengan teliti.
- Memainkan peranan dalam menangani *Islamophobia* serta isu-isu sosial di kalangan Ummah.
- Memastikan bahawa konflik di Timur Tengah dan isu Palestin masih kekal sebagai agenda nombor satu di dalam OIC.
- Malaysia menganggotai beberapa Jawatankuasa Politik penting di dalam rangka kerja OIC seperti: *Contact Group on Sierra Leone; Committee of Thirteen on Combatting Terrorism; Committee of Six on Palestine; OIC Contact Group of Bosnia and Herzegovina Committee of Eight on Southern Philippines; Contact Group on Lebanon; Contact Group on Somalia; dan Islamic Committee for Solidarity with the People of Africa.*
- Pelancaran Program Bina Upaya Bagi Negara-Negara OIC oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 29 Mac 2005 di Kuala Lumpur untuk mengurangkan kemiskinan dan mengukuhkan pembangunan ekonomi, terutama di negara-negara OIC yang mundur dengan meningkatkan pembinaan keupayaan di bidang pembangunan sumber manusia, institusi, kemahiran pengurusan dan pembangunan prasarana di negara-negara tersebut.
- Malaysia merupakan pencetus idea dan penggerak utama kepada Suruhanjaya Tokoh-tokoh Kenamaan OIC (OIC-CEP), yang bertanggungjawab menyediakan Pelan Tindakan dan Strategi untuk umat Islam menghadapi cabaran abad ke-21. Kumpulan ini telah melaksanakan tugas mereka dengan jayanya apabila Laporan Akhir OIC-CEP tersebut diterima dan diluluskan semasa Sidang Kemuncak Khas ke-3 OIC, Mekah pada 8 Disember 2005.
- Kandungan Laporan Akhir OIC-CEP tersebut kemudiannya telah dijadikan teras dan rujukan dalam menghasilkan Pelan Tindakan 10 Tahun OIC (*OIC Ten Year Action Plan*) yang turut diluluskan pada Sidang Kemuncak Khas Ke-3 OIC pada 8 Disember 2005 di Mekah, Arab Saudi.
- Pelan Tindakan 10 Tahun OIC menggariskan langkah-langkah khusus bagi mengatasi pelbagai permasalahan dan cabaran yang sedang dan bakal dihadapi oleh umat Islam dalam abad ke-21, meliputi segala aspek sama ada politik, ekonomi dan sosial bukan sahaja di negara-negara Islam, tetapi juga umat Islam yang merupakan minoriti di negara-negara bukan Islam.

- Malaysia menyertai Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Eksekutif OIC pada 15 Mac 2006 di Jeddah dengan tujuan mendapatkan garis panduan berkaitan penyiaran karikatur Nabi Muhammad SAW yang telah mengeluarkan satu Kenyataan Akhir bagi memaklumkan pendirian dan tindakan negara-negara anggota OIC bagi menangani isu penyiaran karikatur Nabi Muhammad SAW.
- Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif OIC Yang Diperlebarkan telah diadakan pada 3 Ogos 2006 di Putrajaya, bertujuan menangani konflik Timur Tengah yang pada masa itu melibatkan tindakan ketenteraan Israel terhadap Lubnan dan Palestin.
- Y.B. Menteri Luar Negeri menyertai Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif OIC Yang Diperlebarkan di Peringkat Menteri pada 18 November 2006 di Jeddah, Arab Saudi yang telah diadakan di atas permintaan Presiden Palestin, Mahmoud Abbas, berikutan peningkatan tindakan agresif keterlaluan Israel terhadap rakyat Palestin.
- Mesyuarat PBB Untuk Menyokong Hak-Hak Mutlak Rakyat Palestin telah dianjurkan di Kuala Lumpur pada Disember 2006 bersama-sama dengan Jawatankuasa PBB Bagi Melaksanakan Hak-Hak Mutlak Rakyat Palestin dan telah mengeluarkan satu Deklarasi yang menyeru agar dapat mewujudkan mekanisme bagi melindungi penduduk awam daripada tindakan-tindakan ketenteraan Israel.
- Mesyuarat ini disusuli dengan Forum Masyarakat Awam Anjuran PBB Untuk Menyokong Hak-Hak Mutlak Rakyat Palestin di Kuala Lumpur bagi membincangkan usaha-usaha masyarakat awam di Asia dan rantau Pasifik bagi membantu rakyat Palestin.
- Penganjuran Persidangan Zakat Antarabangsa pada 28 November 2006 yang telah berhasil dalam membentuk kesepakatan di kalangan negara-negara anggota yang hadir akan pentingnya kerjasama yang lebih erat bagi mengkaji aplikasi zakat sebagai sumber kewangan Pertubuhan Zakat Antarabangsa.
- Dalam bidang sains dan teknologi, Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi kepada "Pasukan Petugas Khas bagi Visi 1441 untuk Sains dan Teknologi" bagi negara-negara OIC dan memainkan peranan yang penting di dalam Jawatankuasa Tetap Sains dan Teknologi OIC (COMSTECH) ke arah pembangunan bidang sains dan teknologi.
- Penganjuran Forum Pertama Anti Rasuah dan Peningkatan Integriti OIC pada 28-30 Ogos 2006 di Kuala Lumpur bertujuan membentuk kesedaran di kalangan negara-negara anggota OIC akan pentingnya urus tadbir yang bersih sebagaimana yang disyariatkan oleh ajaran Islam.
- Penganjuran Persidangan Menteri-Menteri Kesihatan Negara-Negara OIC dari 12-15 Jun 2007 di Kuala Lumpur yang membuktikan keprihatinan Malaysia dalam usaha meningkatkan status kesihatan umat Islam secara keseluruhannya berikutan masalah wabak penyakit dan kekurangan zat makanan di kalangan negara-negara Islam yang merupakan isu yang sering dibicarakan.
- Malaysia telah mengambil bahagian secara aktif di Persidangan Pertama Peringkat Menteri mengenai Peranan Wanita di dalam Pembangunan Negara-negara OIC di Turki

pada 19-22 November 2007. Susulan Mesyuarat tersebut, Malaysia telah diberi mandat menganjurkan Mesyuarat Kumpulan Pakar OIC Mengenai Penyertaan Wanita Dalam Membuat Keputusan, pada 21-22 Januari 2008, di Kuala Lumpur.

NAM

Sebagai Pengerusi NAM, Malaysia telah memperolehi pencapaian berikut :

- Wisma Putra menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri NAM Mengenai Palestin di Putrajaya pada 13 Mei 2004.
- Penubuhan Majlis Perniagaan NAM pada 15 Jun 2004 bagi menyelaras kepentingan masyarakat perniagaan anggota negara NAM.
- Wisma Putra telah menganjurkan Mesyuarat Peringkat Menteri buat pertama kalinya pada 7-10 Mei 2005 bagi membincangkan isu pembangunan wanita. Deklarasi mesyuarat tersebut menegaskan bahawa peranan dan penglibatan wanita dalam segenap aspek dan di pelbagai peringkat, adalah perlu bagi mencapai keadilan gender.
- Persidangan Menteri Penerangan NAM Ke-6, Putrajaya pada 19-22 November 2005.
- Penubuhan Rangkaian Berita NAM (NNN) pada 22 November 2005 bagi menggalakkan pengaliran maklumat yang lebih berkesan.
- Wisma Putra menganjurkan Mesyuarat NAM-CoB peringkat Menteri di Putrajaya pada 27-30 Mei 2006 sebagai persediaan penyerahan tugas Pengerusi kepada Cuba.
- Y.A.B. Perdana Menteri telah menyerahkan kerusi Pengerusi NAM kepada Cuba sewaktu Sidang Kemuncak NAM Ke-14 di Havana pada 15-16 September 2006.
- Penubuhan Institut NAM bagi Memperkasakan Wanita (NIEW) pada 17 Mei 2006 melalui penyediaan program pembangunan keupayaan berteraskan pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.

DASAR

6. Terlibat secara aktif dan bermakna di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), terutama dalam usaha menamatkan ketidakadilan dan kezaliman serta mendaulatkan undang-undang antarabangsa

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN

Dengan kepentingan negara di peringkat antarabangsa semakin menyeluruh, Malaysia telah menyertai pelbagai badan antarabangsa dengan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip PBB dan multilateralisme. Malaysia telah berjaya menggunakan platform forum-forum antarabangsa untuk menyuarakan pandangannya tentang isu-isu global seperti keamanan, kedaulatan, kemerdekaan, ketidakadilan, kezaliman, hak asasi manusia, perlucutan senjata, alam sekitar, keganasan dan ekonomi. Usaha-usaha Malaysia dalam pelbagai forum antarabangsa telah menempatkan Malaysia di mata dunia.

Di antara pencapaian dan aktiviti-aktiviti 2004-2007 adalah seperti berikut :

- Pelantikan Malaysia sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Ketiga Perhimpunan Agung PBB bagi penggal 2004 – 2005.
- Malaysia mempengerusi *Conference on Disarmament* di Geneva yang merupakan satu-satunya forum rundingan perlucutan senjata dan ketakcambahan yang diiktiraf PBB.
- Malaysia terlibat secara langsung dalam perbincangan mengenai proses pembaharuan PBB di New York.
- Malaysia berkhidmat sebagai anggota Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), Vienna.
- Penyertaan Malaysia dalam perbahasan terbuka mengenai Situasi di Timur Tengah yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan PBB (UNSC) pada 19 April 2004.
- Penyertaan Y.A.B. Perdana Menteri dalam *World Summit 2005* di New York dari 14-16 September 2005 yang bertemakan isu pembaharuan semula PBB secara menyeluruh dan komprehensif.
- Pelantikan Tan Sri Lamin Yunus sebagai hakim *ad litem* bagi *International Criminal Tribunal for Former Yugoslavia*.
- Pelantikan Malaysia sebagai Naib Presiden Perhimpunan Agung PBB sesi ke-60.
- Malaysia terlibat secara langsung dalam perbincangan mengenai proses pembaharuan PBB di New York termasuk penerimaan dokumen akhir dalam *World Summit 2005*.
- Malaysia menandatangani Protokol Tambahan kepada Perjanjian Kawalgunaan Komprehensif Nuklear.
- Pelantikan wakil Malaysia ke dalam Jawatankuasa CEDAW 2005 – 2008.
- Malaysia menjadi ketua perunding bagi NAM di Persidangan Kajian Semula Tritis Ketakcambahan Senjata Nuklear (*NPT Review Conference*) di ibu pejabat PBB di New York pada 2-27 Mei 2005.
- Malaysia mempengerusi Persidangan Parti-Parti Konvensyen Kepelbagaian Biologi di Curitiba, Brazil pada 20-31 Mac 2006.
- Pemilihan Malaysia sebagai negara untuk penubuhan *United Nations Humanitarian Response Depot* (UNHRD) di Pengkalan Udara Subang oleh *World Food Programme* (WFP).
- Malaysia dilantik sebagai Naib Presiden Persidangan Kajian Semula Konvensyen Senjata Biologi.
- Malaysia dilantik menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia PBB bagi penggal 2006 – 2009.

- Malaysia telah menyumbang sebanyak USD50,000 kepada Tabung *Central Emergency Response Fund* (CERF) di bawah PBB. Tabung CERF ini bertujuan untuk membiayai program bantuan kemanusiaan PBB kepada negara-negara yang memerlukannya dalam tempoh 72 jam selepas berlakunya sesuatu bencana.
- Peranan dan kepimpinan Malaysia dalam bidang kemanusiaan di peringkat antarabangsa jelas diyakini dan diiktiraf apabila Datuk Dr. Jemilah Mahmood, Presiden *Malaysian Medical Relief Society* (MERCY) dilantik sebagai Kumpulan Penasihat Dana CERF bagi tempoh 2006-2008.
- Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sains dan Teknologi di bawah *United Nations Committee on the Peaceful Uses of Outer Spaces* (UNCOPUOS) di Vienna pada 20 Februari 2006, Datuk Dr. Mazlan Othman, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara telah dilantik untuk memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil tersebut untuk tempoh satu tahun bermula 2007. Pada 19 Februari 2007, Datuk Dr. Mazlan Othman telah mempengerusikan Sesi ke-44 Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sains UNCOPUOS dan Teknologi di Vienna, Austria dengan jayanya.
- Malaysia telah dipilih semula (buat kali ketiga) sebagai ahli Majlis *International Telecommunications Union* (ITU Council) yang dijawat oleh Malaysia sejak tahun 1999.
- Calon Malaysia, Dr. Ali R. Ebadi juga berjaya dipilih ke jawatan Pengarah, *Radio Regulations Board* (RRB).
- Malaysia menyertai 2 misi pengaman PBB yang baru iaitu di Timor Leste (UNMIT) dan Lubnan (UNIFIL) menjadikan penglibatan keseluruhan dalam 10 operasi pasukan pengaman.
- Pemilihan Malaysia sebagai negara tuan rumah bagi Sekretariat *Codex Committee on Fats and Oils* (CCFO) di bawah naungan *Codex Alimentarius Commission* (CAC), satu badan subsidiari Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di bawah PBB dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- Pemilihan Malaysia sebagai ahli Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (*ICAO Council*) (2007-2010), salah satu agensi di bawah PBB.
- Negara-negara ahli *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) bersetuju untuk memulakan rundingan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) di bawah Protokol Kyoto bagi tahun pasca-2012 bagi menghadapi perubahan iklim.
- Malaysia menerima kunjungan dari TYT Jaap Ramaker, Perutusan Khas Terti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT) pada 26-27 Februari 2007 serta Dr. Mohammed El-Baradei, Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa pada 17-18 Julai 2007.
- Malaysia dipilih bagi menganggotai Majlis Ekonomi dan Sosial PBB bagi penggal 2008 – 2010 dengan meraih undian tertinggi bagi Kumpulan Asia.

- Malaysia dipilih menganggotai Lembaga Eksekutif UNESCO bagi penggal 2008 – 2011 dengan meraih undian tertinggi bagi rantau Asia dan Pasifik.
- Pada 27 Jun 2007, pihak WHO telah mengumumkan bahawa Malaysia telah dipilih sebagai lokasi penubuhan Pejabat WHO *Global Service Centre* (GSC). Perjanjian Tuan Rumah (*Host Country Agreement*) bagi penubuhan WHO GSC telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan pihak WHO pada 12 Disember 2007.
- Malaysia telah menambah sumbangannya kepada Tabung *Central Emergency Response Fund* (CERF) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu daripada USD50,000 kepada USD100,000. Tabung CERF ini bertujuan untuk membiayai program bantuan kemanusiaan PBB kepada negara-negara yang memerlukannya dalam tempoh 72 jam selepas berlakunya sesuatu bencana.

DASAR

7. Mengutarakan Malaysia sebagai negara Islam contoh yang toleran dan progresif

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN

Sebagai Pengerusi OIC, Malaysia telah menonjolkan negara sebagai negara Islam contoh yang toleran, progresif dan aman. Islam Hadhari telah berjaya diketengahkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di peringkat antarabangsa yang bertunjangkan ketamadunan dalam pentadbiran dan pembangunan negara.

Di antara pencapaian negara pada 2004-2007 ialah :

- Penglibatan Malaysia dalam pelbagai Jawatankuasa dan Program di bawah OIC sepanjang 2004 menunjukkan Malaysia adalah komited kepada usaha-usaha membangun dan memperkukuhkan umat Islam.
- Memulakan perbincangan dan perancangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Tokoh-Tokoh Kenamaan yang ditugaskan untuk menyediakan strategi dan pelan tindakan bagi membolehkan umat Islam menghadapi cabaran yang akan dilalui dalam abad ke-21.
- Y.A.B. Perdana Menteri mula mempertengahkan pendekatan Islam Hadhari semasa berucap di Oxford Centre for Islamic Studies di Oxford pada 1 Oktober 2004. Semasa lawatan-lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke luar negara sepanjang tahun 2004 - 2007 seperti di Beijing, Seoul, Tokyo, New Zealand, London dan Paris, pendekatan Islam Hadhari ini turut ditekankan dalam ucapan-ucapan beliau dan juga di dalam forum-forum yang diadakan semasa lawatan-lawatan tersebut.
- Pendekatan Islam Hadhari yang diamalkan di Malaysia telah diterima dan diiktiraf oleh negara-negara anggota OIC semasa Sidang Kemuncak Khas ke-3 OIC di Mekah pada 6-8 Disember 2005.

- Ramai pemimpin-pemimpin dunia bukan Islam, termasuk dari Amerika Syarikat, Britain dan Australia memuji Malaysia kerana mengambil pendekatan Islam Hadhari. Sebagai contoh, ketika pertemuan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair dengan Y.A.B. Perdana Menteri di New York, di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), pujian ini telah disampaikan kepada Y.A.B. Perdana Menteri.
- Pendekatan Islam Hadhari juga diguna sebagai salah satu usaha Malaysia untuk memperbaiki semula imej agama Islam yang tercalar berikutan aktiviti-aktiviti keganasan antarabangsa yang sering dikaitkan oleh pihak Barat dengan dunia Islam. Inisiatif Malaysia melalui IDFR untuk menganjurkan sesi dialog antara tamadun dan seminar antarabangsa seperti *Who Speaks for the West, Who Speaks for the East* pada 10-11 Februari 2006, merupakan satu pendekatan supaya Islam dipandang sebagai agama yang progresif, bertamadun dan cintakan kedamaian serta Malaysia boleh dijadikan sebagai sebuah negara Islam contoh.
- Malaysia telah memainkan peranan yang penting dan aktif dalam inisiatif Dialog Antara-Kepercayaan dengan menjadi penganjur bersama Cyprus bagi Dialog Antara-Kepercayaan Kedua Asia-Eropah yang telah diadakan di Cyprus pada 3-5 Julai, 2006.
- Malaysia menyertai Dialog Antara-Kepercayaan Pertama ASEM yang telah diadakan di Bali, Indonesia pada 21-22 Julai 2005. Malaysia telah memainkan peranan yang penting dan aktif dalam Dialog tersebut dengan menjadi salah sebuah negara penganjur Dialog tersebut.
- Dalam memerangi *Islamophobia*, Wisma Putra (melalui IDFR) telah menganjurkan *International Conference on Islam and the West: Bridging the Gap* dari 15-16 Jun 2007 di Kuala Lumpur untuk meningkatkan imej Islam dan menggalakkan interaksi yang sihat melibatkan pelbagai tamadun, budaya, cara hidup dan agama di kalangan masyarakat antarabangsa.